

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**  
**PEJABAT BENDAHARI**

---

UTHM.PB/100-6/4 ( 26 )

29 September 2009

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2009**

**Semua Pengurus Bahagian**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
Parit Raja, Batu Pahat

Assalamualaikum

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**PEMBERIAN PEMBAYARAN WANG INSENTIF KEPADA PENULIS BUKU UTHM**

**1.0 TUJUAN**

Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk menerangkan kepada semua Pengurus Bahagian mengenai pemberian pembayaran wang insentif kepada penulis buku UTHM.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 UTHM telah mempunyai satu '*blueprint*' yang menggariskan hasrat dan aktiviti untuk menjadi salah sebuah universiti bertaraf dunia pada tahun 2013.

2.2 Hasrat ini bertepatan dengan kehendak negara yang mahu melihat universiti tempatan mampu bersaing secara kompetitif dengan universiti utama lain di peringkat global.

2.4 Dalam usaha merangsang budaya penulisan dan penerbitan ilmiah kepada warga Universiti, pelbagai usaha telah dilaksanakan termasuklah

menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif kepada penulis UTHM seperti pemberian imbuhan melalui penerbitan makalah dalam jurnal berimpak tinggi dan pembiayaan terbitan jurnal akademik berbayar.

2.5 Sebagai galakan, pihak Universiti memutuskan untuk memberi imbuhan pemberian bayaran wang insentif dalam bentuk wang ringgit kepada penulis buku UTHM sebagai satu lagi usaha untuk staf meningkatkan jumlah penerbitan buku ilmiah Universiti.

2.6 Pemberian imbuhan ini mempunyai objektif seperti berikut:

- i) Merangsang staf UTHM menghasilkan buku-buku ilmiah.
- ii) Membantu penulis dari segi kos kewangan terlibat sebelum sesebuah manuskrip buku itu berjaya dihasilkan.
- iii) Mempercepatkan proses penghasilan sesebuah manuskrip melalui bantuan kewangan yang disediakan
- iv) Untuk mempertingkatkan aktiviti penulisan buku dan sekaligus menaikkan taraf Univesiti kepada taraf yang lebih tinggi.

2.6 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.2/2009 bertarikh 07 Julai 2009 telah meluluskan pemberian pembayaran wang insentif kepada penulis buku UTHM.

2.7 Dalam membuat tuntutan pembayaran wang insentif kepada penulis buku UTHM, staf dikehendaki melengkapkan borang tuntutan, menandatangani surat perjanjian dan aku janji penghasilan buku yang akan disediakan oleh Pejabat Penerbit.

### 3.0 PERATURAN

3.1 Jumlah pembayaran wang insentif yang diberikan adalah mengikut bidang dan tertakluk kepada had maksimum seperti berikut :

BIL.	BIDANG	JUMLAH PENDAHULUAN
1.	Kejuruteraan dan Teknologi	RM 5,000.00
2.	Sains dan Matematik	
3.	Sains Sosial dan Kemanusiaan	
4.	Umum/Ilmiah popular	

3.2 Hanya ketua pengarang atau pengarang tunggal kepada buku tersebut. dari UTHM sahaja yang mendapat imbuhan. Jika pengarang UTHM adalah pengarang bersama, pemberian imbuhan tidak layak dipertimbangkan.

3.3 Pengarang hendaklah menyerahkan kertas cadangan yang mengandungi tajuk buku dan isi kandungan yang akan ditulis bersama-sama dengan borang permohonan;

3.4 Pengarang hendaklah menyerahkan kertas cadangan yang mengandungi tajuk buku dan isi kandungan yang akan ditulis bersama-sama dengan borang permohonan;

3.5 Hanya karya asli sahaja yang layak dipertimbangkan;

3.6 Buku yang akan dihasilkan adalah dalam versi Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris;

3.7 Buku yang dihasilkan hendaklah memenuhi sifat-sifat sebuah buku sepertimana yang ditetapkan oleh Pejabat Penerbit;

- 3.8 Pengarang hendaklah mengemukakan laporan kemajuan mengenai buku yang ditulis kepada Pejabat Penerbit setiap 4 bulan dari tarikh pembayaran wang insentif diterima;
- 3.10 Tempoh maksimum yang diberikan kepada penulis untuk menyerahkan sebuah manuskrip buku kepada Pejabat Penerbit ialah satu tahun dari tarikh pembayaran wang insentif diterima;
- 3.11 Jika penulis gagal menyerahkan manuskrip buku tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, penulis dikehendaki mengembalikan semula pembayaran wang insentif yang diterima kepada Universiti melalui kaedah potongan gaji;
- 3.12 Hak cipta penerbitan adalah hak milik Universiti sepenuhnya.
- 3.13 Hanya pemohon bertaraf jawatan tetap, kontrak, sementara sahaja layak memohon, staf sambilan tidak akan dipertimbangkan.
- 3.14 Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan yang disediakan.
- 3.15 Permohonan yang lengkap sahaja layak untuk dipertimbangkan.

#### **4.0 KUAT KUASA PEKELILING**

Pekeliling ini adalah berkuat kuasa daripada tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan dipohon agar dapat memanjangkan perkara ini kepada pegawai PTJ yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"**

Yang benar,



**HJ. ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari

Samb. 4537050

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Ketua Unit Audit Dalam